

Kemenangan calon PH mampu kuatkan UMNO dalam kerajaan

● UMNO dekat dengan pengundi Melayu dan boleh memastikan semua ahlinya dan majoriti orang Melayu keluar mengundi memberikan sokongan calon Kerajaan Perpaduan

● Peranan UMNO sangat relevan bukan sahaja di Sungai Bakap malah memperkukuh Kerajaan Perpaduan di peringkat nasional

Oleh Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani
bhrencana@bh.com.my



Profesor Politik dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Sabtu ini, Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Bakap akan menyaksikan pertembungan dua penjurong antara calon Kerajaan Perpaduan daripada Pakatan Harapan (PH) dengan Perikatan Nasional (PN) daripada PAS. UMNO atau Barisan Nasional (BN) tidak meletakkan calon buat kali keduanya seperti pada Pilihan Raya Negeri (PRN) tahun lalu bagi membolehkan PKR bertanding.

Meskipun UMNO tidak bertanding, parti tunjang orang Melayu ini kekal relevan dan terus mendapat perhatian kempen PRK Sungai Bakap, sekali gus menjadikannya penentu kepada kemenangan calon Kerajaan Perpaduan.

Persoalannya, mengapakah UMNO relevan dalam PRK ini? Ini kerana daripada 39,279 pengundi berdaftar, lebih 59 peratus adalah orang Melayu. Dengan jumlah 4,800 ahli parti, UMNO mempunyai peranan signifikan untuk memastikan calon Kerajaan Perpaduan, Dr Joohari Ariffin menang mengatasi calon PN, Abidin Ismail.

Ini kerana UMNO dekat dengan pengundi Melayu dan boleh memastikan semua ahlinya dan majoriti orang Melayu keluar mengundi memberikan sokongan calon Kerajaan Perpaduan.

Kedudukan Sungai Bakap di kawasan separa bandar yang penduduknya terdedah kepada pembangunan serta isu nasional dan setempat, selain Kerajaan Persekutuan dan Pulau Pinang pula dikuasai Kerajaan Perpaduan, seharusnya kelebihan untuk menang terletak kepada calon mereka.

Namun pada PRN lalu, PN memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Bakap dengan kelebihan 1,563 undi. Majoriti pengundi Melayu dilihat menyokong calon PN ketika itu meskipun kawasan berkenaan dikuasai PKR beberapa penggal.

Ini juga menjadikan peranan UMNO sangat kritikal bagi memenangi hati dan minda orang Melayu untuk menyokong calon Kerajaan Perpaduan. Jelas UMNO menjadi tumpuan dalam PRK Sungai Bakap ini. UMNO dan pemimpinnya menjadi bahan kempen serta dihentam PN. Pada masa sama, pemimpin PN juga menyatakan mereka memerlukan sokongan orang UMNO untuk memenangi calon PN seperti PH juga.

Yang jelas, ramai pemimpin utama UMNO turun berkempen menyokong Joohari. Sebagai rakan kepada Kerajaan Perpaduan, UMNO tidak mahu melihat ahlinya menyokong PN.

Banyak siri penerangan dilakukan UMNO terhadap ahlinya bagi memberi kemenangan Kerajaan Perpaduan dan membolehkan seorang lagi ADUN berbangsa Melayu mewakili Kerajaan Perpaduan di

peringkat negeri.

Peranan UMNO sangat relevan bukan sahaja di Sungai Bakap malah memperkukuh Kerajaan Perpaduan pada peringkat nasional. Matlamat UMNO bersama kerajaan adalah untuk memastikan kestabilan politik wujud supaya fokus diberikan untuk memakmurkan negara dari segi ekonomi, sosial dan sebagainya.

Dasar Malaysia MADANI didukung supaya agenda negara terus terlaksana. Bagi kekal relevan kepada rakyat, UMNO membawa agenda centrist atau haluan sederhana (wasatiyah) seperti disyorkan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dalam mengenengahkan dasar dan agenda negara.

Penduduk Sungai Bakap adalah cerminan populasi masyarakat majmuk memerlukan dasar menuntut kesepaduan pelbagai kaum, selain menentang sebarang bentuk politik sayap kanan ekstrem dan melampau khususnya membawa agenda kebencian 3R (kaum, agama dan raja) yang boleh membawa perbalahan kaum.

Mungkin ramai tidak sedar tempat UMNO sangat istimewa dalam kerjasama dengan PH terutama dalam Kerajaan Perpaduan. PH sebenarnya agak terbuka menerima sebarang pandangan dikemukakan BN khususnya UMNO misalnya agenda Bumiputera dibawa melalui Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) menjadi tunjang membantu pengusaha dibantu untuk berdaya saing dalam perniagaan.

Agenda Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dibawa Presiden UMNO diterima dan diperjuangkan Kerajaan Perpaduan yang majoriti terbahit adalah Melayu Bumiputera.

Jadi kerjasama dalam Kerajaan Perpaduan jelas memberi manfaat kepada UMNO memperkuat agenda Melayu Bumiputera dan memperkukuh parti.

Perlu difahami DAP di Sungai Bakap, mewakili lebih 90 peratus masyarakat Cina bersama UMNO mewakili masyarakat Melayu diperlukan untuk menjamin perpaduan negara dan kestabilan kerajaan serta politik.

Agenda cauvinis DAP dapat diredakan

Justeru, elemen cauvinis DAP sekiranya ada, sudah dapat diredakan dengan keberadaan UMNO. Jadi UMNO sebenarnya berjaya mengubah perspektif DAP untuk kekal menerima semangat Perlembagaan Persekutuan khususnya Perkara 3 mengenai Islam; bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan (Perkara 152); hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera (Perkara 153) dan perlindungan kepada institusi beraja (Perkara 181).

Pendekatan politik haluan sederhana dibawa Kerajaan Perpaduan memerlukan UMNO dan DAP melakukan keterbukaan serta bekerjasama erat.

PAS dan BERSATU yang memainkan isu 'UMDAP' terhadap UMNO, sebenarnya pernah be-

kerjasama dengan DAP beberapa kali. Jadi isu #DAP-PAS-BERSATU ini bukan baharu.

Walaupun dinafikan, jelas PAS ada cita-cita menyertai Kerajaan Perpaduan. Malah, mereka juga pernah ingin menyertai Kerajaan Perpaduan kemudiannya setelah menolaknya pada peringkat awal penubuhan Kerajaan Perpaduan.

Maksudnya, mereka juga ingin bekerjasama dengan DAP dalam kerajaan. Jadi penolakan mereka sekarang terhadap DAP setelah gagal membentuk kerajaan bersama dilihat sebagai gimik politik oleh PAS.

PAS dilihat ingin menggantikan UMNO sebagai blok politik Melayu paling besar dalam Kerajaan Perpaduan. Jelas sekali niat mereka sebenarnya untuk melemahkan UMNO seperti dilakukan ketika bersama dalam Muafakat Nasional (MN).

Ketika kempen PRK ini juga, terdapat kritikan PN dilontarkan kepada Ahmad Zahid. Sebagai balasan kepada naratif PN itu, beberapa perkara dijelaskan UMNO.

Hakikatnya, Ahmad Zahid naik sebagai Presiden ketika UMNO dan BN tewas pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14). Ketika itu, UMNO dilihat amat lesu, malah ramai pemimpinnya bertindak keluar parti menyertai BERSATU.

Presiden UMNO itu menyatupadukan UMNO dan BN serta membawa kemenangan dengan cemerlang dalam pilihan raya di Melaka serta Johor dan siri PRK sebelum ini.

UMNO cuba dibubarkan seperti diminta bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad tetapi Ahmad Zahid jugalah bertindak mempertahankan parti keramat orang Melayu ini.

Sekarang PN meminta Ahmad Zahid berundur untuk melemahkan UMNO, setelah beliau berjasa mempertahankan kewujudan dan kelangsungan UMNO-BN masa kini untuk kekal relevan.

Banyak imej negatif terhadap Ahmad Zahid direka musuh UMNO khususnya PAS dan BERSATU serta bekas pemimpin UMNO bagi mewujudkan persepsi bahawa UMNO adalah parti korup.

Presiden UMNO itu masih belum didapati bersalah oleh mahkamah. Yang jelas, UMNO yang lemah akan melemahkan Kerajaan Perpaduan, sekali gus memperkuatkan PAS dan PN.

Nyatalah, UMNO yang kuat ditakuti PN. UMNO mampu menjadi kuat melalui peranannya dalam Kerajaan Perpaduan serta PAS dan BERSATU terus berada di pihak pembangkang.

Oleh itu, kemenangan calon Kerajaan Perpaduan dalam PRK DUN Sungai Bakap ini secara tidak langsung memperkuat UMNO dalam Kerajaan Perpaduan, sekali gus ia kekal sebagai parti tunjang orang Melayu.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

